



KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI
MINISTRY OF INTERNATIONAL TRADE AND INDUSTRY

Menara Perdagangan Antarabangsa dan Industri,
No.7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah,
50480 Kuala Lumpur,
MALAYSIA

Tel : 603 8000 8000
Faks (Fax) : 603 6206 4693
Laman Web (Web) : www.miti.gov.my
E-mel (E-mail) : webmiti@miti.gov.my

Ruj. Kami: MITI.700-15/15/69Jilid2(7)

Tarikh: 2 Mac 2023

YBhg. Dato' Abdul Latif Hj Abu Seman

Ketua Pengarah

Malaysia Productivity Corporation (MPC)

Lorong Produktiviti, Jalan Sultan

46200 PETALING JAYA

YBhg. Dato',

PERMOHONAN NOTIS PERUBAHAN (NOTICE OF CHANGE – NOC) BAGI PROGRAM PEMBANGUNAN BAKAT TEMPATAN BAGI MENYOKONG EKOSISTEM ELEKTRIKAL DAN ELEKTRONIK (E&E): ACADEMY IN FACTORY DAN TRAIN AND PLACE DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS (RMKe-12)

Dengan segala hormatnya saya merujuk surat Kementerian ini, No. Ruj.: MITI.700-15/15/69Jilid2(6) bertarikh 17 Oktober 2022 dan 28 Oktober 2022 serta surat Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU, JPM) bertarikh 28 Februari 2023 mengenai perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Dato', Kementerian Ekonomi melalui suratnya bertarikh 28 Februari 2023 telah meneliti permohonan notis perubahan (*Notice of Change – NOC*) bagi Program Pembangunan Bakat Tempatan bagi Menyokong Ekosistem Elektrikal dan Elektronik (E&E): Academy in Factory dan Train and Place ("Projek") dan **bersetuju** membuat pindaan ke atas output / KPI dan skop Projek ini seperti berikut:

BIL.	PERKARA	ASAL	PINDAAN
1.	Output/ KPI	1,000 jurutera dan 1,000 juruteknik dilatih mengikut keperluan semasa industri bagi tempoh 2022 hingga 2023 di bawah program <i>Train and Place</i> .	500 jurutera dan 500 juruteknik dilatih mengikut keperluan semasa industri bagi tempoh 2022 hingga 2023 di bawah program <i>Train and Place</i> .
2.	Skop Projek	Melaksanakan program <i>Train and Place</i> , yang merupakan program latihan bakat dalam industri E&E dengan memberi tumpuan kepada lepasan SPM dan lepasan ijazah.	Melaksanakan program <i>Train and Place</i> , yang merupakan program latihan bakat dalam industri E&E dengan memberi tumpuan kepada lepasan Diploma/SVM/SKM Tahap 3 dan lepasan ijazah.

BIL.	PERKARA	ASAL	PINDAAN
		Bayaran yuran kursus secara dalam talian untuk setiap peserta bagi tempoh 2 bulan.	Bayaran yuran kursus: • Juruteknik – sebulan latihan secara fizikal • Jurutera – sebulan dan 15 hari secara atas talian

3. Walau bagaimanapun, EPU **tidak bersetuju** dengan cadangan kos pelaksanaan (*administrative cost*) sebanyak RM350,000 di dalam pembahagian belanjawan bagi Projek ini memandangkan kos pelaksanaan adalah bersifat perbelanjaan operasi dan tidak sewajarnya diperuntukkan dalam perincian kos bagi Projek yang dibiayai menggunakan peruntukan perbelanjaan pembangunan (*Development Expenditure - DE*).

4. Sehubungan dengan itu, dikemukakan kelulusan NOC bagi Projek ini dan pihak MPC dimohon untuk mengambil tindakan yang sewajarnya dalam memastikan Projek ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Perhatian dan kerjasama YBhg. Dato' mengenai perkara ini adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(HANAFI SAKRI)

Pengarah Kanan
Bahagian Pembangunan Industri
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri